

**GARIS PANDUAN ANUGERAH PERSATUAN WANITA CEMERLANG  
NEGERI SABAH  
GUIDELINE OF  
SABAH WOMEN ASSOCIATION EXCELLENCE AWARD**

**1. MUKADIMAH / INTRODUCTION**

- 1.1 Anugerah Persatuan Wanita Cemerlang Sabah ini adalah merupakan pengiktirafan Kerajaan Negeri Sabah kepada Persatuan Wanita yang berdaftar dibawah Akta Pertubuhan 1966 atau ditubuhkan melalui Akta Parlimen yang telah mencapai kecemerlangan dalam bidang pengurusan, kepimpinan dan telah menyumbangkan jasa terhadap kemajuan masyarakat dan pembangunan Negeri.**

*The Sabah Women Association Excellence Award is a recognition by the State Government to a Women Association registered under the Societies Act 1966 or established by act of Parliament which have achieved excellence in management, leadership and contributed towards the development of society and the State.*

**2. OBJEKTIF ANUGERAH / OBJECTIVE OF THE AWARD**

- 2.1 Untuk memberi penghormatan dan pengiktirafan kepada Persatuan Wanita terhadap sumbangan cemerlang persatuan mereka ke arah kemajuan Wanita khasnya dan masyarakat amnya.**

*To honour and to give recognition to the Women Associations which have contributed excellently especially in women development and the society as a whole.*

**3. KRITERIA PEMILIHAN/ SELECTION'S CRITERIA**

- 3.1 Pemilihan untuk anugerah ini adalah berasaskan kepada kriteria berikut :-**

*Selection for the award will be based on the following criterias :-*

**3.1.1 Struktur Pentadbiran Persatuan**

*Association's Organisational Structure*

**3.1.2 Bilangan Ahli Persatuan**

*Number of Members*

**3.1.3 Ke kerapannya Mesyuarat AJK dan Pematuhan kepada ketetapan tarikh Mesyuarat Agung Tahunan mengikut Perlembagaan Persatuan**

*Frequency of the Committee Meeting and compliance to the date of Annual General Meeting in accordance to the association's constitutions*

- 3.1.4 Kedudukan Kewangan Persatuan**  
*Financial Status of the Association*
- 3.1.5 Aktiviti dalam dan luar Persatuan**  
*Internal and external activities of the association*
- 3.1.6 Sumbangan terhadap pembangunan sosio-ekonomi wanita**  
*Contributions towards women socio-economic development*
- 3.1.7 Penghargaan dan Anugerah yang pernah di terima**  
*Recognition and awards received*

**4. PROSEDUR PENCALONAN**  
*NOMINATION PROCEDURE*

- 4.1 Persatuan Wanita yang dicalonkan hendaklah bergiat aktif dalam tahun 2014 hingga 2015.**  
*The association nominated must be active in the years 2014 to 2015.*
- 4.2 Setiap pencalonan hendaklah dikemukakan dengan melengkapkan borang yang disediakan dan dihantar ke alamat berikut :**  
*Each nomination must be submitted by completing the official form and to be address to:-*

**PENGARAH**  
**JABATAN HAL EHWAL WANITA SABAH**  
**TINGKAT 3 & 4, WISMA WANITA,**  
**KM. 3.5, JALAN TUARAN**  
**BEG BERKUNCI 2082**  
**88999 KOTA KINABALU, SABAH**

Tidak lewat daripada: **5 Julai 2016**  
*Not later than:*

- 4.3 Borang pencalonan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.**  
*Nominations received after the dateline will not be entertained.*
- 4.4 Majlis penyampaian Anugerah akan diadakan sempena Perayaan Hari Wanita peringkat Negeri Sabah.**  
*The award presentation ceremony will be held in conjunction with the Sabah Women's Day Celebration.*
- 4.5 Keputusan Panel Pemilihan adalah muktamad dan berhak menolak pencalonan yang tidak lengkap.**  
*The decision of the Selection Panel will be final and any incomplete nomination forms will be rejected.*
- 4.6 Sertakan maklumat/salinan dokumen-dokumen lain (sekiranya ada)/gambar bersesuaian bagi tujuan menyokong permohonan.**  
*Supporting information/copies of other documents (if any)/relevant photographs are to be enclosed.*